



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 7 RABU 17 FEBRUARI 1971 1390 ذوالحج 21 رابو PERCHUMA

Istiadat Berkhatan dan Bertindek Y.T.M. Puteri2 Di-Raja selamat di-langsangkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Berkhatan dan Bertindek Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja telah berlangsung di-Istana Darul Hana pada minggu lepas.

Istiadat Berkhatan bagi Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Jafriah telah berlangsung di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana pada malam Khamis 10 Februari sementara Istiadat Bertindek bagi kedua2 Puteri Di-Raja itu telah berlangsung pada petang hari Khamis 11 Februari.

Istiadat2 yang di-langsangkan dengan penoh istiadat itu telah di-hadiri oleh Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja, Tuan Yang Terutama Pesuohjaya Tinggi, Awang A.R. Adair, kerabat2 Di-Raja Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2, orang2 bergelar dan pegawai2 kanan kerajaan.

Istiadat Bertindek Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja itu telah di-mulakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan menabor beras kuning ka-atas kedua2 adinda Baginda dan sa-rentak dengan itu 17 das tembak meriam telah di-lepaskan.

Ini telah di-ikuti pula oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja, serta pembesar2 negara.


Sa-telah selesai Istiadat tersebut do'a selamat pun di-bachakan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Sa-telah itu kedua2 Puteri Di-Raja itu pun di-arak mengelilingi bandar dalam sa-buah kenderaan khas untuk di-perkenalkan kepada raya jelata.

Perarakan yang panjangnya kira2 dua batu itu telah di-dahului oleh pasukan pencharagam Pulus Di-Raja Brunei dan pegawai2 yang membawa alat2 kebesaran Di-Raja.

Turut mengiringi perarakan Di-Raja itu ia-lah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja, Tuan Yang Terutama Pesuohjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair serta pembesar2 negara.

Bersempena dengan Istiadat Berkhatan dan Bertindek Puteri2 Di-Raja itu, perayaan2 selama 11 hari telah di-adakan di-pekarangan Istana Darul Hana. Perayaan2 tersebut telah berakhir pada 13 Februari apabila Istiadat Penutup Gendang Jaga-Jaga di-langsangkan di-Balai Pemajangan Indra Kenchana, Istana Darul Hana. (gambar2 di-Istiadat Berkhatan dan Bertindek Yang Teramat Mulia Puteri2 Di-Raja itu di-siarkan di-muka tengah).



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kelihatan menabor beras kuning ka-atas adinda2 baginda yang menjalani Istiadat Berkhatan pada minggu lepas.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri rasmikan klinik

BERAKAS. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah merasmikan pembukaan Klinik baru bagi keluarga Askar Melayu Di-Raja Brunei bertempat di-Berakas Kem petang semalam.

Ketibaan Duli Yang Maha Mulia ka-klinik itu telah di-alu2kan oleh Leftenan Colonel Dato Dr. J.G. Moran dan isteri Pemerentah regimen itu, Colonel Dato Setia J.J.H. Simpson.

Terdahulu sa-belum itu Leftenan Colonel Dato Dr. J.G. Moran dalam uchapannya telah menguchapkan terima kasih atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia ka-klinik itu dan melakukan pembukaan rasmi.

Lt. Col. Dato Dr. J.G. Moran berkata dengan pembesaran pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei sekarang, keluarga itu berjumlah 430 orang termasuk 1,500 kanak2 di-bawah jagaan beliau.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kemudian-nya di-bawa melawat untuk menyaksikan bilek perubatan, bilek Doktor, bilek pendaftaran dan lain2 bilek yang di-haskan di-klinik baru itu.

Duli Yang Maha Mulia juga telah di-bawa melawat ka-Pusat Perubatan yang berhampiran dengan klinik itu.

Duli Yang Maha Mulia telah di-beri karangan bunga oleh sa-orang anak perempuan di-klinik itu.

Klinik yang baru itu telah di-beri nama Klinik Raja Isteri Saleha ia-itu mengambil sempena nama Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Upachara itu telah di-hadiri oleh lebuh sa-ratus orang isteri pegawai2 dan anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei telah menerangkan upachara itu.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri sedang mendengar penerangan Lt. Col. Dato Moran ketika baginda di-bawa melawat klinik tersebut. Di-sebelah kanan ia-lah isteri Pemerintah AMDB, Datin Simpson.



Pasangan adek beradek, Koh Bee Moi dan Koh Bee Lian yang mendapat tempat ketiga dalam bahagian paduan suara, ketika mengalunkan suara mereka dalam pertandingan tersebut.



Awang Lee Eng Ghee dan Dayang Pong Choon Yen, pemenang pertama bahagian paduan suara sedang menerima hadiah dari Puan De Freitas.

Bintang Radio Tiong Hwa 1970: Lin Kian Kong menangi dua bahagian

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Awang Lin Kian Kong dari Bandar Seri Begawan telah memenangi pertandingan Bintang Radio Tiong Hwa 1970 perengkat akhir dalam bahagian lagu2 langgam dan asli terbuka yang telah di-adakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Pemenang pertama dalam bahagian langgam wanita telah di-menangi oleh Dayang Ong Lai Tin, peserta dari Bandar Seri Begawan. Dayang Lai Tin juga memenangi tempat kedua dalam bahagian lagu asli terbuka.

Awang Lee Eng Ghee, peserta dari Bandar Seri Begawan telah mendapat tempat kedua dalam bahagian langgam lelaki. Beliau juga telah memenangi tempat ketiga dalam bahagian lagu asli terbuka.

Awang Leong Chee Seng, peserta dari Seria mendapat tempat ketiga dalam bahagian langgam lelaki.

Dayang Pong Choon Yen, dan Dayang Koh Bee Lian, kedua-dua dari Bandar Seri Begawan masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga dalam bahagian langgam wanita.

Pasangan Awang Lee Eng Ghee dan Dayang Pong Choon Yen peserta dari Bandar Seri Begawan telah mendapat tempat pertama dalam bahagian paduan suara. Pasangan Awang Lin Kian Kong dan Dayang Ong Lai Tin, juga peserta dari Bandar Seri Begawan mendapat tempat kedua dan pemenang ketiga ia-lah pasangan adek beradek Koh Bee Moi dan Koh Bee Lian, peserta dari Bandar Seri Begawan.

Di-samping menerima piala dan piring2 hitam, pemenang2 pertama dalam bahagian2 langgam le-



Pemenang pertama dalam bahagian langgam wanita, Dayang Ong Lai Tin (gambar atas) ketika menerima hadiah. Sementara gambar bawah, Dayang Pong Choon Yen, pemenang kedua dalam bahagian langgam wanita sedang menerima hadiah dari Puan De Freitas.



Awang Lin Kian Kong, pemenang pertama dalam bahagian langgam dan asli terbuka.

laki dan wanita serta bahagian lagu asli terbuka, akan di-hadiahkan satu tiket kapal terbang perchuma pergi balek ka-Singapura.

Pemenang2 kedua dalam tiap2 bahagian itu juga akan menerima tiket kapal terbang perchuma pergi balek ka-Kuching dan pemenang2 ketiga di-hadiahkan tiket kapal terbang perchuma untuk pergi dan balek ka-Kota Kinabalu.

Pemenang2 dalam peraduan paduan suara hanya menerima piala2 dan piring2 hitam.

Sa-ramai 13 orang peserta dari Bandar Seri Begawan dan Seria/Beliat telah mengambil bahagian dalam pertandingan yang julung2 kali-nya di-anjorkan oleh Bahagian Tiong Hwa Radio Brunei itu.

Pertandingan itu telah di-rasmikan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang G. V. De Freitas, sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri beliau .

DI-DALAM akhbar Borneo Bullettin keluaran 6 haribulan Februari 1971 yang lalu, kita telah terbaca satu berita berhubung dengan bertambahnya kejadian penchurian kereta2 di-negeri kita Brunei yang sama2 kita chintai ini. Menurut berita itu nampaknya kejadian2 tersebut sa-makin bertambah di-masa kebelakangan ini. Pehak pulis telah pun berusaha untuk menchegah perbuatan2 yang tidak di-ingini supaya ia-nya tidak akan berlaluasa.

Kita sa-bagai umat Islam yang sentiasa menchintai ketenteraman dan keselamatan diri, harta benda dan negara kita ada-lah merasa tidak begitu tenteram akan genjala yang kita sebutkan itu, kerana selama ini di-negara kita jarang2 benar terjadi peristiwa2 tersebut.

Apa-kah perasaan sa-seorang jika ia telah penoh yakin bahawa sa-masa ia meninggalkan kereta-nya yang ia-nya telah mengunchi dan menutup chermin2 kereta2-nya tiba2 di-dapati-nya kereta-nya itu telah hilang entah ka-mana? Bukan-kah orang itu akan merasa satu perasaan hampa, kechewa dan di-timpa satu

Perkelahan belia di-pantai Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perkelahan, gabongan dari tujuh buah persatuan2 belia di-Daerah Brunei, akan di-adakan tidak lama lagi, di-Pantai Muara.

Persatuan2 itu ia-lah Pakmurba; Perangkap; Tibi; Ke-Kal; Perka; Sakam dan Ikatan Belia Berakas.

Di-temasha perkelahan itu juga, akan di-adakan jualan kueh-mueh, minuman dan sebagai-nya.

Satu mashuarat, untuk membinchangkan perkara itu, telah di-adakan oleh wakil2 persatuan tersebut, pada 12 Februari.

Awang Hassan berkata, jawatankuasa gabongan perkelahan itu juga, akan menjemput persatuan2 lain di-negeri ini, yang ingin menyertai ka-perkelahan itu.

Meninjau khemah AMDB

BERAKAS. — Satu rombongan yang mengandungi 25 orang ahli Persatuan Belia PERKASA, Kampong Saba telah melawat ka-khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei pada hari Jumaat lepas.

Pelawat2 itu telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian termasuk bahagian udara, kenderaan, bengkel dan mess pegawai. Mereka juga berpeluang menyaksikan pertunjukkan2 meriam katak dan senjata2 rengan.

Perbuatan menchuri merupakan penyakit masharakat yang merbahaya

KHUTBAH JUMA'AT

kerugian?. Apabila kejadian itu tidak terkawal, bukan-kah ini berarti ketenteraman masharakat akan ternoda?. Kita sangat-lah merasa shukor ka-hadharat Allah Subahanahu-wataala kerana pehak2 yang menjaga keamanan sentiasa bertindak tegas dalam hal ini.

Tuan2 harus-lah ingat bahawa Islam ada-lah Ugama yang sentiasa memandang berat terhadap ketenteraman dan keselamatan dalam arti kata yang sa-luas2-nya, sebab itu dalam Islam terdapat surohan2 untuk menjaga sa-barang kejahanan dan kemungkaran, dimana dalam usaha untuk menchegah kejahanan dan kemungkaran itu bukan hanya di-letakkan tanggong-jawabnya kepada gulongan penjaga2

keamanan yang bertugas khas kerana-nya sahaja, tetapi juga ada-lah terletak kapada semua gulongan masharakat sa-bagaimana firman Allah dalam Suratul Al-Emran ayat 110 yang bermaksud:

"Kamu-lah merupakan sa-baik2 umat yang di-keluarkan di-kalangan manusia kerana kamu menyuroh berbuat kebajikan dan mela-rang berbuat kejahanan dan kamu beriman kepada Allah".

Telah di-riwayatkan daripada Saidina Abu Asidek r.a. bahawa pernah berkata yang bermaksud:

"Sa-sunggoh-nya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, jika terdapat di-

Peraduan bahath sempena menyambut awal Muharram 1391

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Penerangan Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan peraduan berbahath dari perengkat daerah hingga ka-perengkat negeri dalam bulan ini untuk menyambut tahun baru Islam 1391.

Peraduan itu terbuka kepada semua persatuan2 belia, sekolah2 menengah dan maktab2 di-negeri ini.

Pemenang2 dalam peraduan perengkat daerah akan mewakili daerah masing2 ka-peraduan perengkat akhir yang akan di-adakan di-Lagoon Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan pada 26 Februari.

Peserta2 di-Daerah Brunei/Muara boleh-lah mendapatkan borang2 masok bertanding dari Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu hendak-lah dikembalikan kapada jabatan itu tidak lewat dari hari ini, 17 Februari.

Sementara itu peraduan berbahath di-Daerah Tutong akan di-adakan di-Mesjid Hassanal Bolkiah, Tutong pada 19 Februari mulai 8.00 pagi.

Peraduan itu akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Saleh yang juga akan menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Feb., 1971 hingga ka-hari Selasa 23 Feb., 1971 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
18 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
19 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
20 Feb.		12-40	4-00	6-38	7-49	5-05	5-20	6-34
21 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
22 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
23 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.

dalam suatu gulongan itu orang yang berbuat maksiat dan kejahanan, sedangkan di-dalamnya terdapat orang yang boleh menchegah, tetapi mereka enggan berbuat demikian, neschaya hampir-lah mereka itu akan di-lingkopi semua-nya dengan azab daripada Allah".

Menchuri ada-lah satu perbuatan yang terkutuk, kerana perbuatan itu bukan sahaja merosakkan nama baik dan peribadi sa-seorang, tetapi juga ada-lah melibatkan harta benda kepunyaan orang lain. Perbuatan menchuri bukan sahaja perbuatan yang tidak bertanggong-jawab, tetapi juga ada-lah perbuatan yang tidak 'umpama' dan tidak hormat terhadap hak orang lain. Dan dengan itu berarti perbuatan itu sa-chara langsung merupakan penyakit masharakat yang merbahaya. Apabila ia-nya meribak maka akan payah-lah mendapatkan ketenteraman masharakat, sedangkan ketenteraman masharakat itu ada-lah asas utama untuk suatu kehidupan masharakat yang bahagia. Siapa-kah yang tidak inginkan kebahagiaan di-dalam hidup ini? Sudikah kita kalau ketenteraman dan kebahagiaan yang kita nekmati selama ini di-ancam oleh sa-bahagian anggota2 masharakat yang bersifat liar dan tidak bertanggong-jawab?. Jika kita menghadapi hal ini, maka ada-lah perlu supaya kejadian2 sa-umpama ini di-che-gah dan di-benteras oleh sa-tiap anggota masharakat kita.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya sa-tiap anggota masharakat di-negeri ini akan sama2 bertanggong-jawab pada menjaga harta benda kepunyaan orang2 lain dan menjauhkan diri masing2 daripada melakukan sa-barang perbuatan menchuri atau menchabul hak2 orang lain.

17hb. Februari, 1971.
**PENGUNAAN
PUSAT BELIA**

LANGKAH Pemimpinan Ke-
bhijan membekasain gel-
anggang Putul Belia kapada ahli2 belia pada tiap2 hari ke-
chualu Jumaat dan Ahad tetapi
menurut pengamatan saya di-
kalangan belia terutama-nya
belia2 yang terdiri dari peng-
gembira sekali. Banyak lah
yang dirasai oleh Pesarojaya
Kehajikan itu. Dengan lang-
kah ini demikian, maka kita
rasi sekuang2nya. Saya selalu
pat mengendurkan kegelisahan
pemin2 bulu-tangkis khasnya
tentang mualaf ketadian
gelanggang. "Yang Teramat Mu-
liah di-negeri" yang pernah
dilakukannya dalam istiadat
berkhitan dan bertindek
di-negeri ini. Kita menyedari
bahwa kita maseh belum tahu
puntai gelanggang yang manus-
iutok dalam istiadat ber-
khitan yang lengkap dengan peralatan yang
ditulis dalam yang
perluhan. Sa-lam ini kita
harus mengingatkan gelan-
gang2 yang ada di-sekolah2
menengah di-negeri ini jika ia-
nya tidak di-persiapkan oleh pe-
nunti2nya atau pun jika de-
ngan kebenaran pengent2 se-
kolah2 tersebut. Dari sebab ini
lah juga kita perlu mencari
akan dapat melihat adu2nya pe-
mimin2 bulu-tangkis tempatan
yang boleh di-ketengahkan sa-
lima muka. Maka kita bila-
hui ramai-nya muncak yang
mempunyai bakat.

Maka, kerana itu-lah langkah
Pesarojaya Kehajikan ini di-
sifatkan oleh pemimin2 bulu-
tangkis ini sebagai langkah yang aman wujud dan
patut dilakukan oleh Puter2 ta-
nah ayer dengan penoh keshu-
koran. Memang tidak di-sangka la-
gi bahawa Pesarojaya Kehajikan
itu telah membuktikan da-
ri apa yang pernah di-katakan
belia2 ini. Dalam istiadat Ber-
khitan Putul Belia yang sanyaran-
kan bahawa pusti akan da-
pat mempunyai belia2 kitu
yang akan dapat mengingatkan
kan nama negara Brunei.
Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran
Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim sedang menobat
Putul Belia juga di-harapkan be-
liau juga dapat memberikan jasa yang gemilang di-rang-
gang2 yang ada di-negeri ini. Saya
dan kerana itu beliau menyeri ini akan
terus menerus mengingatkan
pusti itu untuk buktikan wujudnya,
walau pun masih banyak mas-
puniyi kekurangan2 yang perlu
dikembangkan. Dalam istiadat
Kebhijan sedang bernasua un-
tuk melengkapkan keperluan2
permainan di-pusati itu dan da-
lam langkah ini ada baiknya
juga dilaksanakan sambutan yang
di-berikan lalu mengadakan
perubahan2 yang tegas sesuai
dengan tujuan untuk meng-
wujudkan.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri, Amal Nasiah (kiri) dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Jafriah dalam Istiadat Berkhitan yang berlangsung pada 10 Februari lepas.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim sedang menobat Putul Belia juga di-harapkan beliau juga dapat memberikan jasa yang gemilang di-ranggang2 yang ada di-negeri ini. Yang Teramat Mulia Puter2 Di-Raja yang menjalani Istiadat Berkhitan.



Perarakan Yang Teramat Mulia Puter2 Di-Raja ketika melalui Jalan Stoney.

GAMBAR2 DI-ISTIADA BERKHATAN DAN BERTINDEK Y.T.M. PUTER2 DI-RAJA



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersama kedua Puter2 Di-Raja dalam Istiadat Berkhitan yang berlangsung di-Balai Singgasana.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan D.Y.T.M. Paduka Suri Seri Begawan Raja berangkat dari Balai Singgasana setelah selesai Istiadat Berkhitan Puter2 Di-Raja.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika berang-
kat meninggalkan Balai Singgasana setelah selesai Istiadat Berkhitan Puter2 Di-Raja.



Yang Teramat Mulia Puter2 Di-Raja lengkap ka-
ba'i Singgasana untuk menjalani Istiadat Ber-
khitan.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja ketika berangkat ka-ba'i Singgasana untuk menghadiri Istiadat Berkhitan Puter2 Di-Raja.



Pasekan percharungan Putul Di-
Raja Brunei dan pegawai2 yang
menobat alat2 kebersihan Di-Raja
yang mengelepat perarakan Puter2 Di-Raja itu.



Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Raja Isteri,
D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, D.Y.T.M. Paduka Suri Seri
Begawan Raja serta kerabat Di-Raja ketika hadir di-Istiadat Ber-
khitan Y.T.M. Puter2 Di-Raja pada 11 Februari.



Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Masnah, Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Mohd. Yusof dan terlibatnya Lettu Sabithi Kurni Pengiran
Anak Mohd. Yusof dalam istiadat Berkhitan Puter2 Di-Raja ketika melalui Jalan Stoney.

Kebenaran menggunakan gelanggang badminton di-Pusat Belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memberi kebenaran kepada persatuan2 belia di-negeri ini untuk menggunakan gelanggang badminton dan sepak takraw di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.

Jabatan itu dalam satu pengumuman berkata, gelanggang2 itu boleh di-gunakan sa-tiap hari Isnin, Selasa, Rabu, dan Khamis dari pukul 4.00 petang hingga pukul 9.00 malam.

Hanya empat orang pemain dari tiap2 persatuan di-benarkan menggunakan gelanggang2 itu.

Pengumuman itu berkata, gelanggang2 itu mesti-lah di-jaga kebersehan-nya dan pemain2 yang menggunakan-nya hendak-lah menjaga semua alat2 kelengkapan.

Jabatan itu berkata, gelanggang2 itu tidak boleh di-gunakan jika Pusat Belia itu sedang di-gunakan oleh kerajaan atau sa-barang persatuan yang telah di-berikan kebenaran khas untuk menggunakan pusat belia itu.

Pameran hasil kerajinan tangan


KUALA BELAIT. — Seksyen perempuan Persatuan Belia Belait, PEMBELA akan mengadakan pameran, hasil kerajinan tangan dan masakan, di-Dewan Kemasyarakatan di-Kuala Belait, pada 27 Februari, mulai pukul 8.30 pagi, sa-bagai projek tahunan-nya, dan juga bagi merayakan Tahun Baru Islam.

Ia-nya terbuka kapada kaum ibu, di-daerah itu sa-haja.

Borang2 masok, boleh di-dapat dari Che'gu Dayang Rafeah binte Mohamed Hussain di-Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Che'gu Dayang Sharifah Maimunah binte Syed Mohamed di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Dayang Normah binte Haji Mohamed Noor, di-Pejabat Bandaran di-Kuala Belait, dan Che'gu Dayang Dora binte Awang Hamid, di-Sekolah Melayu Mohamad Alam di-Seria.

Bayaran bagi satu2 barang yang akan di-pamerkan ia-lah 50 sen.

Borang2 itu, hendak-lah dikembalikan, tidak lewat dari hari ini 17 Februari.



GAMBAR atas menunjukkan Pesuruhjaya Pulis, Dato Setia J.R.H. Burns sedang memerlukan barisan yang terdiri daripada rekrut2 pulis yang telah tamat latihan dari Sekolah Latihan Pulis di-Jalan Muara dalam satu upacara perbarisan tamat latihan yang di-adakan baru2 ini.

Tiga puluh orang anggota rekrut pulis yang telah lulus itu ada-lah merupakan rekrut2 yang pertama menjalani kursus di-sekolah itu.

Sa-ramai 60 orang rekrut baru yang telah di-pilih baru2 ini telah pun memulakan latihan asas mereka pada hari Ahad lepas.

Rekrut2 akan menjalani kursus di-sekolah itu sa-lama enam bulan.

Perlumbaan go-kart a'bangsa Brunei akan di-adakan besar2an

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kelab Moto Di-Raja Brunei akan mengadakan Perlumbaan Go-kart antara bangsa yang ke-empat dalam bulan Julai tahun ini bersempena dengan perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Yang Di-Pertua Kelab itu,

Kerajaan berikan rumah kepada Persatuan Pentadbiran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan telah memberikan sa-buah rumah untuk di-gunakan oleh Persatuan Pegawai2 Perkhidmatan Pentadbiran Brunei.

Rumah itu jenis kelas 'B' terletak di-pinggir bukit Subok di-Jalan Residency bekas kediaman Pengawal Imigresen yang telah berpindah ka-tempat lain.

Setia usaha Agong Persatuan itu Awang Jaya bin Abdul Latif berkata beberapa perubahan untuk mengelokkan lagi keadaan rumah itu telah di-buat dan ia-nya mengandungi sa-buah bilek persidangan, sa-buah dewan permainan bola beliat dan sa-buah kanan.

Pengelolaan kanten itu telah pun di-tawarkan kepada sa-orang peniaga tempatan dan apabila di-buka nanti ia-nya akan menyediakan makanan dan minuman dan lain2-nya pada tiap2 hari untuk ahli2 persatuan itu dan juga pegawai2 kanan Kerajaan.

Awang Jaya berkata Persa-

tuan itu telah di-tubohkan dalam bulan Oktober, 1969 pada masa itu di-kenali sa-bagai Kesatuan (Union) yang telah di-daftarkan di-bawah undang2 Kesatuan Sekerja dan pada masa ini nama itu telah di-ubah menjadi Persatuan.

Ada-lah di-harapkan undang2 persatuan yang ada masa ini akan di-gubal semula untuk membolehkan pegawai2 kanan Kerajaan dapat menjadi ahli dalam persatuan itu.

Ketibaan jema'ah2 haji

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-ramai 194 orang jema'ah haji yang berlepas ka-Mekah dengan kapal terbang dalam bulan lepas akan pulang katanya ayer pada penghujung bulan ini selepas menuaikan fardzu haji.

Tujuh belas orang di-antara mereka yang pergi ka-Mekah dengan kapal terbang pada 17 Januari di-jangka akan tiba di-Brunei pada 22 Februari.

Mereka yang pergi pada 10 Januari di-jadualkan tiba pada

Awang Chris Lammers berkata, kelab itu belum lagi menentukan tempat bagi di-adakan perlumbaan, tetapi ia-nya tetap akan di-adakan di-kawasan sekitar Bandar Seri Begawan atau Berakas Kem.

Awang Lammers berharap pesta itu akan lebih besar dan menarik lebih banyak lagi pelumba2 dari negeri2 di-Asia Tenggara daripada yang telah suah.

Kelab itu akan memerlukan wang untuk perbelanjaan perlumbaan itu dan menawarkan hadiah2 yang berharga untuk menarik pelumba2 seberang laut yang terbaik.

Beliau berkata, seperti di-masa yang telah suah ia-nya bergantong kapada sumbang-an2 dari ahli2 kelab itu.

Surat keliling bagi merayu sumbang-an akan di-kirimkan kapada semua ahli tidak lama lagi.

Awang Lammers menyeru kapada ahli2 kelab itu supaya menderma dengan murah hati dan menolong menjadikan perlumbaan itu berjaya.

28 Februari dan jema'ah2 haji yang pergi pada 9 Januari di-jadualkan pulang ka-Brunei pada 27 Februari.

Jema'ah2 haji itu akan menaiki kapal terbang yang di-sewa khas dari Jeddah ka-Singapura dan dari Singapura mereka akan terbang ka-Brunei.

Sa-kumpulan jema'ah haji yang lain yang berlepas ka-Jeddah dengan kapal laut di-jadualkan tiba di-Brunei pada 9 April.



AHLI2 J/KUASA BARU KEMUKA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kebajikan Muafakat Kampong Burong Pingai Ayer telah mengadakan mshuarat agong-nya kali yang ke-IV pada hari Ahad lepas bertempat di-dewan persatuan itu.

Dalam mshuarat itu ahli2 persatuan itu telah membincangkan kegiatan sa-panjang tahun 1970 dan melantek ahli2 jawatan kuasa tadbir tertinggi bagi tahun 1971.

Ahli2 jawatankuasa tadbir bagi tahun 1971 ada-lah seperti berikut:

Yang Di-Pertua Umum — Awang Rais bin Abd. Baneh.

Timbalan Yang Di-Pertua Umum — Awang Mohamed Yassin bin Hassan,

Setia Usaha Agong — Awang Apong bin Sarbun.

Timbalan Setia Usaha Agong — Awang Abu Bakar bin Haji Abd. Latif,

Bendahari Agong — Awang Abd. Hamid bin Ja'afar.

Sementara pada malam-nya pula persatuan itu telah meng-

Lesen2 anjing boleh di-dapati dari sekarang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lesen2 anjing bagi tahun 1971 di-kawasan2 Brunei/Muara dan Beliat/Seria sekarang boleh di-dapati dari pejabat2 bandaran masing2.

Bayaran-nya ia-lah \$3.00 bagi sa-ekor anjing jantan dan \$5.00 bagi sa-ekor anjing betina.

Lesen itu mesti-lah di-gantong di-leher binatang itu.

Anjing2 yang di-dapati tidak berlesen sa-lepas 20 Februari di-kawasan Beliat-Seria dan kawasan Brunei/Muara sa-lepas 31 Mac akan di-hapuskan.

adakan Malam Ria Sambutan Mashuarat Agong KEMUKA bertempat di-dewan persatuan itu.

Sambutan itu telah di-rasmikan oleh Awang Mohd. Yassin bin Mohamed Said, Pemangku Pengawas Persatuan2 Belia.

Di-antara achara yang di-adakan pada malam itu termasuklah persembahan tablo yang berjodol ‘Mengharap balas menjelang sinar’ hasil karya Awang Rais Baneh, perduan nyanyian, membacha sajak, peraduan pakaian bera-gam dan tarian.

Hadih2 kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Awang Haji Umar bin Ibrahim, ahli majlis mashuarat daerah Brunei/Muara.

Balai Pulis Sungai Liang

SUNGAI LIANG. — Pembinaan sa-buah balai pulis di-Sungai Liang, Daerah Belait sedang ber-jalan dengan lancar.

Komplek balai pulis baru itu di-bina berdekatan dengan klinik Sungai Liang dan ia-nya meng-andongi barek2 bagi anggota yang ditugaskan di-situ.

Dua buah balai pulis, sa-buah di-Kampong Perpindahan dan sa-buah di-Lamunin telah menjalankan perkhidmatan baru2 ini.

Kelas menaip perengkat permulaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah kelas menaip baru dalam perengkat permulaan akan di-adakan di-sekolah SMJA di-Bandar Seri Begawan.

Kelas itu boleh menerima sa-ramai 198 orang penuntut dan akan di-bahagikan dalam sembilan buah bilek darjah.

Ia-nya akan di-adakan sa-tiap hari dari pukul 4.10 pe-

Hasil ternakan ayam bertambah di-negeri ini

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam, dalam laporan perangkaan tahunannya berkata, sejak bulan Ogos tahun 1968, Brunei telah tidak membawa masok ayam, berikutan berkembangnya usaha

Hasil tangkapan ikan di-kolam ikan Sg. Jambu

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jabatan Perikanan buat pertama kali-nya akan me-nangkap ikan2 dari tiga buah kolam pemelihara ikan di-kawasan Lembah Sungai Jambu dekat Gadong, Bandar Seri Begawan.

Pegawai Perikanan Negara, Dr. E. Birkenmire berkata kolam2 itu telah di-isi dengan ikan jenis tonsan, lampam Ja-wa dan tilapia enam bulan lalu.

Ikan2 yang di-tangkap itu nanti akan di-lepaskan ka-dalam sa-buah kolam yang besar yang berukuran $1\frac{1}{2}$ dan 2 ekar persegi yang baru di-bina.

Tempat pemelihara ikan itu mempunyai 18 buah kolam lain dengan ukuran dari satu hingga satu peratus persegi ekar.

tang hingga 9.00 malam.

Ia-nya di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran yang telah menyediakan dua puluh dua buah mesen taip.

Penyelia kelas itu Che'gu Che'gu Mohamed Yassin bin Haji Ahmad berkata, lebih dari tiga ratus orang penuntut telah mendaftarkan diri untuk menyertai kelas itu.

Bergotong royong membina surau

PENDUDOK2 KAMPONG MENENGAH DI-DAERAH TEMBURONG akan mempunyai sa-buah surau apabila pembinaannya siapa tidak lama lagi.

Upachara mendirikan tiang atas bagi surau itu telah di-adakan pada 23 Januari lepas. Pegawai Daerah Temburong, Awang Salleh bin Hidup telah hadir di-upachara tersebut.

Surau tersebut di-bina di atas sa-bidang tanah yang di-punya oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Salleh dan pembinaannya di-anggarkan me-nelan belanja \$2,000.

Apabila siap nanti, surau tersebut akan di-gunakan untuk kegiatan2 yang berkenaan dengan ugama.

Gambar kiri menunjukkan pendudok2 Kampong Menengah bergambar ramai dengan Pegawai Daerah, Awang Salleh sa-telah upachara mendirikan tiang atas bangunan surau tersebut.

ternakkan ayam di-negeri ini.

Menurut banchi ternakkan, Brunei menghasilkan 652,275 ayam tahun lalu berbanding dengan 489,850 dalam tahun 1969.

Awang Subramaniam berkata, tidak ada kejadian penyakit ayam saperti Ranikhet, berikutan kempen, memberikan suntukan yang giat, dalam mana 381,354 ekor ayam, telah di-suntek bagi menche-gah penyakit itu.

Ketiadaan penyakit itu juga, ada-lah di-sebabkan perator-an2 kesihatan yang ketat, ka-tas import anak2 ayam.

Kaki tangan jabatan itu juga, telah menyuntuk 89,109 ekor ayam, bagi menchegah di-serang oleh penyakit char-char ayam, yang menyebabkan jauh kurang-nya, kejadian penyakit itu.

Lain2 penyakit ayam juga, telah di-kawal rapi, dengan penggunaan ubat2 khas.

Awang Subramaniam ber-kata, Brunei maseh lagi meng-import telor2 ayam dari wilayah2 tetangga, bagaimana pun, beliau melahirkan keyakinan, bahawa Brunei akan mempunyai chukop telor ayam, untuk kegunaan sendiri, memandang dari kadar pengeluaran, menjelang tahun 1973.

permulaan

Beliau berkata, satu pepe-reksaan pemilehan akan di-adakan untuk memilih penuntut2 dan keutamaan akan di-berikan kepada penuntut2 dalam tingkatan tiga.

Dengan pembentukan kelas itu sekarang terdapat dua kelas saperti itu di-Bandar Seri Begawan dan sa-buah lagi ia-lah di-Sekolah Melayu Pusar Ulak.



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan **Bintang Keberanian Laila Terbilang Askar** kapada Sgt. Junid bin Pengarah Haji Untong, dari Askar Melayu Di-Raja Brunei (gambar kiri).

Duli Yang Maha Mulia juga telah mengurniakan **Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia — P.S.B.** kapada Awang P.H. Meadows. (gambar atas).

Istiadat mengurniakan Bintang2 itu telah di-adakan di-Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Lagi 10 orang guru di-pinjamkan ke-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-puloh orang guru dari Republik Singapura telah tiba di-Brunei pada hari Isnin lepas.

Guru2 itu, enam orang lelaki dan empat orang perempuan akan di-pinjamkan kepada Kerajaan Brunei untuk mengajar di-sekolah menengah sa-lama dua tahun.

Tujuh dari mereka, termasuk sa-orang perempuan akan mengajar dalam jurusan ilmu hisab dan sains.

Sa-orang dari tiga orang guru perempuan itu akan mengajar mata pelajaran urusan rumah tangga dan dua lainnya pendidekan jasmani dan bahasa Inggeris sa-bagai bahasa kedua.

Kesepuloh orang guru dari Singapura itu akan di-tempatkan di-Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara.

Ini ada-lah rombongan yang kedua yang mengandungi 10 orang guru dari republik itu di-pinjamkan oleh Kerajaan Singapura kapada Brunei.



Gambar atas menunjukkan rombongan 10 orang guru dari Singapura ketika tiba di-lapangan terbang Berakas pada hari Isnin lepas

Mashuarat agong tahunan pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perserikatan Pengakap Daerah Brunei dan Muara akan mengadakan mashuarat agong tahunan-nya bertempat di Dewan Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong pada jam 2.30 petang hari Juma'at 19 Februari.

Sa-lain daripada lantekan Pegawai2 baru, mashuarat itu antara lain akan merundukkan beberapa kertas kerja yang di-kemukakan oleh Pemimpin2 Pengakap dan Pasokan2 Pengakap di-Daerah Brunei dan Muara.

Tarikh penutup di-lanjutkan hingga 21 Feb.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Angkatan Belia Burong Pinggai Berakas, PERANGKAB telah melanjutkan tarikh penutup penerimaan peserta untuk menyertai peraduan pakaian asli dan silat pada 21 Februari.

Ia-nya akan di-adakan di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada 27 Februari mulai pukul 7.30 malam.

Pengerusi jawatankuasa yang menganjorkan peraduan itu, Awang Wahab bin Tengah berkata, peraduan tersebut hanya terbuka kapada ahli2 persatuan belia dan kebajikan di-negeri ini.

Kata-nya setakat ini lapan peserta bagi peraduan pakaian

asli dan sepuluh dalam peraduan silat telah pun di-terima.

Awang Wahab meminta mereka yang belum menghantar nama2 mereka supaya mengirimkan borang2-nya kepada beliau, di-alamatkan Jabatan Kebajikan Masharakat Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari 21 Februari.

Sambutan awal Muhamarram 1391

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Awal Muhamarram 1391 (tahun baru Islam) peringkat negeri akan di-adakan pada hari Juma'at 26hb. Februari, 1971 bersama'an 1hb. Muhamarram, 1391, mulai jam 8.00 malam, bertempat di-Lagon Masjid Omar Ali Saifudin, Bandar Seri Begawan.

Terdahulu dari itu sambutan2 peringkat daerah akan di-adakan di-daerah2 pada tarikh dan tempat yang tersebut dibawah:-

Daerah Brunei/Muara pada 20hb. Februari, 1971 mulai jam 2.00 petang bertempat di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan.

Daerah Belait pada 20hb. Februari, 1971 mulai jam 8.00 malam bertempat di-Dewan Kemasyarakatan, Belait.

Daerah Tutong pada 19hb. Februari, 1971 mulai jam 8.00 pagi di-Dewan Masjid Hasan-al-Bolkiah, Pekan Tutong.

"D" Idaman gondol empat gelaran terbaik

BADAR SERI BEGAWAN. — Kugiran "D" Idaman telah berjaya menggondol empat kemenangan dalam peraduan kumpulan guitar ranchak atau kugiran bagi mekan Istiadat Berkhatan dan Bertindak Puteri2 Di-Raja yang baru lalu.

Peraduan tersebut telah berlangsung sa-lama dua malam berturut, 9 dan 10 Februari lepas di-Pekarangan Istana Darul Hana. Sa-banyak lima buah kugiran telah menyertai pertandingan itu, tiga dari Daerah Brunei dan Muara, sa-buah dari Tutong dan sa-buah dari Seria.

Kugiran "D" Idaman telah di-ishtiharkan sa-bagai Kugiran yang terbaik, sementara penyanyi wanita M.Z. Razidah telah mendapat gelaran penyanyi yang terbaik bahagian perempuan. Penyanyi berpasangan kugiran itu juga, M.Z. Radiah dan A. Metusin telah memanangi hadiah sebagai persembahan paduan suara yang terbaik.

Awang Ahmad Laini Abdul Wahab, pemain utama kugiran itu telah di-ishtiharkan sa-bagai pemain yang terbaik. Ini-lah kali yang kedua beliau memenangi gelaran yang sama. Beliau memenangi gelaran yang pertama itu ketika berlangsungnya peraduan yang sama anjoran Persatuan Kerani2 dan Peon2 yang di-adakan tahun lalu.

Awang Ali bin Mohammad telah di-ishtiharkan sa-bagai penyanyi yang terbaik.

Kugiran Lima Irama telah memenangi tempat yang kedua dan tempat ketiga di-menangi oleh Kugiran PERDANA.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh telah menyampaikan hadiah2 di-malam penutup peraduan itu di-Pekarangan Istana Darul Hana pada malam 12 Februari lepas.

Hadiyah2 penghargaan telah di-berikan kapada Kugiran Les Kajura dari Tutong dan Kugiran Seriana Combo dari Seria.